

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

SABTU, 17 APRIL, 1982

KATA DIKOTA, JANJI DITEPATI

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

SEBUAH manifesto itu selain memperkenalkan lambang dan cogan kata parti lazimnya turut merakamkan kejayaan-kejayaannya di masa lalu dan matlamat perjuangannya untuk masa hadapan. Tetapi jika semua unsur-unsur ini terdapat dalam setiap manifesto ini tidak pula bermakna semua dokumen ini merakamkan dengan setepat-tepatnya baik rekod prestasi mahupun matlamat perjuangan partinya. Seringkali yang ditekankan, atau yang sengaja dibesar-besarkan, hanyalah cita-cita dan harapan yang hendak di capai. Adakalanya sebuah manifesto itu haya dijadikan suatu alat propaganda bagi mengutarakan janji-janji politik parti.

Tetapi nampaknya manifesto Barisan Nasional kali ini, sebagaimana halnya dengan manifesto-manifestonya yang lalu, lebih merupakan suatu pelan bertindak dari suatu gimik pilihanraya. Jika Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi Barisan Nasional,

memperlihatkan idealisme dalam menggesa rakyat meneruskan perjuangan ke arah menjayakan cita-cita mulia membina suatu bangsa yang bersatu-padu, yang bertakwa, yang berpandangan luas dan bertolak-ansur, yang bersikap adil dan yang sanggup berusaha keras untuk memesatkan lagi pembangunan negara, maka ini bukanlah suatu idealisme kosong. Membina sebuah negara maju, bersepadu dan progresif telah menjadi matlamat perjuangan kita sebagai sebuah masyarakat selama hampir tiga dekad.

Lebih dari itu, dalam tempoh yang sama, bukan kecil kejayaan yang telah kita capai untuk mengekal dan memperteguh, semangat dan amalan demokrasi dan melahirkan sebuah masyarakat yang tegap asas ekonomi, kuat asas perpaduan dan cerah pula masa depannya. Jadi, jika Barisan Nasional pernah berjanji dahulu, janjinya telah ditepati, dan katanya telah dikotakan. Cuma dalam keadaan

dinamik hari ini seringkali bukan sahaja kita terpaksa bekerja keras untuk mengekalkan kemajuan yang telah tercapai malah untuk menyaingi kemajuan orang lain dan meningkatkan kemajuan kita sendiri matlamat dan usaha kita harus dipertingkatkan setiap masa.

Tambahan pula, memperjuangkan nilai-nilai sejagat seperti keamanan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran seperti yang diperjuangkan oleh Barisan Nasional itu bukanlah suatu perkara mudah. Setiap saat boleh melemparkan cabaran, dan setiap kejayaan boleh lebur sekelip mata jika kita gagal atau lalai mempertahankannya. Dalam keadaan beginilah kita memerlukan suatu kepimpinan yang bersih, cekap dan amanah bukan sahaja untuk mengekalkan perpaduan dan kemajuan yang telah tercapai tetapi juga membawa negara setapak lagi ke arah mencapai matlamat pembangunan negara.